

Universiti
Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 3009-1616



Hak Cipta @ 2024 Bahagian PJIM&A UiTM Cawangan Pulau Pinang

Hak cipta terpelihara. Buku ini atau mana-mana bahagian daripadanya tidak boleh diterbitkan semula atau digunakan dalam apa cara sekalipun tanpa kebenaran bertulis nyata daripada penerbit kecuali untuk penggunaan petikan ringkas dalam ulasan buku.

eISSN : 3009-1616

Konsep Reka Bentuk & Idea : Pn. Siti Rahimah Rosseli

Dicetak oleh Pusat Percetakan UiTM
Cetakan Kedua September 2024

Diterbitkan oleh:
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
UITM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

E-mel : pjimapenang@uitm.edu.my

No. telefon : +604-3822840

APA HABAQ HANGPA?
Buletin USR 2023 diterbitkan secara tahunan

KATA ALUAN



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM Dihatiku.

Syukur alhamdulillah, dengan izin-Nya, edisi ke-2 Buletin Apa Habaq Hangpa? telah berjaya diterbitkan. Buletin yang penuh bermakna ini, khusus menampilkan kerja-kerja kemasyarakatan bersama industri dan alumni yang telah dilakukan pada tahun 2023. Sesungguhnya, peranan kita sebagai warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) tidak hanya terbatas kepada diri, keluarga dan akademik semata-mata, malah turut merangkumi tanggungjawab terhadap komuniti yang lebih luas.

Buletin ini adalah bukti nyata bahawa kerja-kerja kemasyarakatan tidak hanya sekadar perbuatan biasa, tetapi satu bentuk amal jariah yang membawa manfaat berterusan kepada masyarakat. Setiap kisah, setiap artikel, dan setiap gambar yang dimuatkan di dalam buletin ini menggambarkan semangat keprihatinan dan kesukarelawan yang tinggi, yang menjadi teras kepada pembinaan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

Pihak pengurusan amat berbangga dengan penglibatan aktif semua pihak, sama ada individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), maupun pihak swasta yang telah menyumbang tenaga, masa, dan sumber demi kesejahteraan masyarakat. Pelbagai program yang dijalankan, seperti bantuan kepada golongan memerlukan, program pendidikan, kesihatan, dan pemuliharaan alam sekitar, semuanya memperlihatkan komitmen padu kita dalam membina sebuah masyarakat yang inklusif dan penyayang.

Diharapkan buletin ini dapat menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca untuk terus menyumbang kepada masyarakat dengan pelbagai cara. Marilah kita bersama-sama melangkah maju dengan semangat kesukarelawanan yang lebih kental, terus mengukuhkan ukhuwah, dan membina masyarakat yang lebih baik dan lestari untuk generasi masa depan. Tahniah diucapkan kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA) kerana dapat mengumpulkan kisah-kisah yang menarik dalam menunjukkan kebersamaan warga UiTMCPP bersama komuniti setempat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin ini. Semoga usaha kita semua diberkati dan mendapat ganjaran yang setimpal dari-Nya. Sekian, terima kasih.

YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Razali
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang



**Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA**